



Projek Tanaman Nangka  
PPK Maran

## PROGRAM AZAM TANI

Program AZAM Tani adalah salah satu inisiatif di bawah Program 1AZAM yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). KPWKM adalah peneraju kepada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Mempertingkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2010. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dilantik untuk membantu golongan sasaran di dalam sektor pertanian dan agro makanan melalui Program AZAM Tani. Program ini dilaksanakan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.

Bantuan Program AZAM Tani ini hanya layak diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) berpendapatan rendah, berdaftar di dalam eKasih dan tergolong di bawah kategori miskin tegar/miskin serta mempunyai minat dalam mengusahakan projek-projek di bawah skop pertanian. Projek yang dilaksanakan hendaklah projek yang mendatangkan hasil yang cepat (*Quick Win Project*) kepada peserta iaitu diantara satu hingga enam bulan pelaksanaannya.

Jenis-jenis projek yang dilaksanakan ialah tanaman, perikanan, ternakan, pemprosesan, perniagaan hasil tani, kemudahan pemasaran/peralatan, perkhidmatan dan kraftangan. Contoh projek yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

### Tanaman

Tanaman singkat masa; jagung, tembikai, cendawan dan cili fertigasi.

### Perikanan

Ikan keli, ikan hiasan, projek asuhan benih dengan menggunakan *Cheap Efficiency Nursery Tank System* (CENTS), ternakan ikan dalam sangkar, ternakan ikan haruan dan ternakan udang.

### Ternakan

Itik, ayam kampung, puyuh dan arnab.

### Pemprosesan

Kuih-muih, ikan kering, pekasam, produk asas ikan, snek tradisional, makanan sejuk beku, sos, kerepek, telur masin, minuman/jus, santan, kerisik dan jeli kelapa.

### Perniagaan Hasil Tani

Jualan air tebu, soya, buah segar potong, pisang goreng, kerepek, nasi lemak, roti canai, kebab dan jualan ikan segar.

### Kemudahan Pemasaran/ Peralatan

Kiosk bergerak, gerai tetap dan motosikal roda tiga.

### Perkhidmatan

Pemotong rumput, penyembur racun, penabur benih dan traktor dua roda.

### Kraftangan

Kraftangan, kraf hasil laut, kraf hasil kulit dan umpan tiruan memancing.

## OBJEKTIF PROGRAM AZAM TANI

- i. Membantu meningkatkan pendapatan golongan sasar melalui pemberian bantuan projek ekonomi di dalam sektor tanaman, perikanan, penternakan, pemprosesan hasil tani, perniagaan hasil tani dan perkhidmatan pertanian.
- ii. Mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta daya saing golongan sasar di dalam bidang pertanian melalui latihan-latihan jatidiri, keusahawanan dan teknikal.
- iii. Membantu mengeluarkan peserta dari belunggu kemiskinan.

Bantuan peruntukan bernilai RM10,000 untuk setiap peserta yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Penyediaan premis dan infrastruktur, benih-benih ternakan dan tanaman, bahan mentah, mesin, peralatan dan sebagainya yang diperlukan untuk melaksanakan projek.
- ii. Latihan pembangunan modal insan/jatidiri, keusahawanan dan latihan teknikal.
- iii. Khidmat sokongan dan kemudahan pemasaran.
- iv. Pemantauan dan bimbingan oleh jabatan dan agensi pelaksana yang berterusan bagi memastikan daya tahan dan daya maju projek.

Jumlah keseluruhan peruntukan AZAM Tani yang diterima oleh LPP dari tahun 2010 - 2013 adalah seperti di Jadual 31 dan bilangan peserta AZAM Tani mengikut negeri seperti di Jadual 31i.

**Jadual 31:**  
**Peruntukan Program AZAM Tani Yang Diterima Oleh LPP Dari Tahun 2010-2013**

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Bil. Peserta (Orang)
2010 dan 2011	11.5	1,150
2012	4.7	470
2013	4.5	450
<b>Jumlah</b>	<b>20.7</b>	<b>2,070</b>

**Jadual 31i:**  
**Negeri Yang Melaksanakan Program AZAM Tani LPP Dari Tahun 2010 - 2011**

Negeri	Projek Individu (Orang)	Projek Korporat (Orang)	Jumlah
Kedah	105	395	500
Perak	350	-	350
Selangor	50	-	50
Pahang	50	-	50
Terengganu	50	-	50
Kelantan	556	464	1,020
Johor	50	-	50
<b>Jumlah</b>	<b>1,211</b>	<b>859</b>	<b>2,070</b>

## KUMPULAN PELADANGNITA

Kumpulan PeladangNita merupakan satu kegiatan wanita di bawah PP yang dibentuk mengikut Peruntukan 39, Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli, Pertubuhan Peladang yang melaksanakan aktiviti menurut Arahan Pendaftar Pertubuhan Peladang Bilangan 4 Tahun 2013 - Kaedah Penubuhan, Pentadbiran Dan Pengurusan Kumpulan PeladangNita.

la merupakan satu kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan menggiatkan penyertaan dari kalangan ahli wanita PP. Berikut adalah jumlah bilangan ahli Peladang Nita dari tahun 2012 - 2013 bagi setiap negeri seperti di Jadual 32.